

Headline **Risiko kendali peralatan tajam**  
Date **24 May 2010**  
MediaTitle **Kosmo**  
Section **Kosmo 2**  
Journalist **N/A**  
Frequency **Daily**  
Circ / Read **115,967 / 406,000**

Language **Malay**  
Page No **22**  
Article Size **721 cm<sup>2</sup>**  
Color **Full Color**  
ADValue **6,269**  
PRValue **18,806**



PICAGARI adalah antara peralatan tajam yang paling kerap digunakan doktor dan jururawat.

B.BRAUN mengambil tanggungjawab dengan menghasilkan pelbagai peralatan alternatif kepada peralatan tajam yang berbahaya kepada kakitangan kesihatan.

# Risiko kendali peralatan tajam

Dr. Lisa Black menceritakan pengalaman beliau 13 tahun lalu yang telah membawa tragedi hitam dalam hidupnya.

“**S**AYA sedang memegang picagari dan cuba membersihkan saluran IV (intravena) pesakit dengan air saline (air mengandungi garam). Pesakit tiba-tiba bergerak dan meronta-ronta.

“Pergerakan pesakit menyebabkan darahnya mengalir balik ke dalam picagari yang saya pegang. Secara tiba-tiba pula picagari tersebut terjatuh daripada genggaman saya dan jarumnya tertusuk pada tapak tangan yang sebelah lagi,” cerita Dr. Lisa Black pada satu persidangan kesihatan antarabangsa yang diadakan di Kuala Lumpur baru-baru ini.

Beliau berkongsi pengalaman 13 tahun lalu yang telah memberi kesan besar dalam hidupnya. Black, seorang pakar rujuk kesihatan, menderita akibat peristiwa

Headline **Risiko kendali peralatan tajam**  
Date **24 May 2010**  
MediaTitle **Kosmo**  
Section **Kosmo 2**  
Journalist **N/A**  
Frequency **Daily**  
Circ / Read **115,967 / 406,000**

Language **Malay**  
Page No **22**  
Article Size **721 cm<sup>2</sup>**  
Color **Full Color**  
ADValue **6,269**  
PRValue **18,806**

yang berlaku pada tahun 1997. Sembilan bulan selepas kejadian tersebut, beliau disahkan positif HIV.

Pengamal perubatan yang berumur 28 tahun ketika kejadian itu berlaku juga disahkan menghidap Hepatitis C (HCV).

Mengikut sumber-sumber di kalangan pengamal perubatan, insiden cedera tertusuk jarum suntikan kebanyakannya tidak dilaporkan.

Statistik di Amerika Syarikat (AS) menunjukkan hampir 60 peratus daripada insiden tertusuk jarum suntikan yang melibatkan jururawat di hospital negara itu tidak didokumentasi.

Situasi didorong keengganan pihak yang terlibat melaporkan kejadian berkenaan hingga menyebabkan penyelesaian terhadap masalah tersebut menjadi sukar.

### Luka peralatan tajam

Peralatan tajam memang berbahaya kepada pengendalinya terutama jika tidak dikendalikan dengan betul kerana hujungnya boleh mencederakan orang lain.

Hujung peralatan yang tajam mungkin membawa mikro organisma yang bahaya seperti bakteria dan virus yang boleh menyebarkan jangkitan penyakit berbahaya.

"Bil bagi rawatan yang saya perlukan

sahaja mencecah AS\$1 juta (RM3.25 juta) dan angka itu sudah tentu memang tinggi," kata Black.

Lebih menyedihkan apabila ada majikan di sesetengah hospital tidak mengambil langkah-langkah keselamatan ke atas jururawat.

"Peralatan tanpa jarum bolehlah digunakan sebagai alternatif. Peralatan lebih selamat sepatutnya menggantikan peralatan tajam. Jarum suntikan hanya patut digunakan bila perlu," tambah Black yang kini mengajar kursus kejururawatan.

Kesan daripada peristiwa itu, Black dipecat sebanyak dua kali kerana melakukan kesilapan ketika waktu bekerja.

"Kecederaan tertusuk jarum yang saya alami menyebabkan saya menjadi penat dan tidak dapat memberi perhatian dalam tugas harian. Saya terpaksa mengubah kehidupan dan menerima kenyataan yang saya kini adalah penghidap HIV.

"Saya juga terpaksa membiasakan diri kepada keperluan mengambil 16 biji pil sehari bagi mengekang virus HIV daripada merebak,"katanya.

Bagaimanapun Black bernasib baik kerana luka tertusuk jarum yang dialaminya telah didokumentasikan dan segala ujian telah dijalankan.

Perbelanjaan rawatan beliau kerana terkena jangkitan HIV dan HCV semasa bertugas ditanggung oleh pihak majikan.

### Pencegahan

Kini, teknologi adalah kunci kepada langkah-langkah pencegahan luka tertusuk jarum suntikan.

B. Braun, pakar dalam pembuatan, penghasilan dan pemasaran produk dan perkhidmatan perubatan adalah antara pembekal utama dunia bagi produk alternatif yang tajam ke pusat perubatan serta kemudahan penjagaan kesihatan.

Dengan pengalaman luas selama 170 tahun, B. Braun meningkatkan langkah

keselamatan bagi pesakit, pengamal perubatan dan kakitangan penjagaan kesihatan yang lain seperti jururawat.

Jarum seperti picagari pakai buang dan kateter intravena yang mempunyai penutup kini terdapat secara meluas di pasaran dunia. Semuanya kerana usaha dan inovasi syarikat-syarikat seperti B. Braun.

Black berkongsi pengalaman beliau berhubung peralatan baru yang diperkenalkan di hospital dan respons daripada kakitangan hospital tentang penggunaan peralatan tersebut.

"Sesetengah jururawat pada mulanya enggan menggunakan peralatan baru. Itu adalah perkara biasa kerana sesuatu yang baru sudah tentu mengambil masa untuk memahaminya dan menggunakannya. Tetapi, awas. Kecederaan yang disebabkan peralatan tajam boleh berlaku pada bila-bila masa, apatah lagi ketika anda tidak mengjangkanya berlaku," katanya. - Bernama



LISA BLACK



Headline **Risiko kendali peralatan tajam**  
Date **24 May 2010**  
MediaTitle **Kosmo**  
Section **Kosmo 2**  
Journalist **N/A**  
Frequency **Daily**  
Circ / Read **115,967 / 406,000**

Language **Malay**  
Page No **22**  
Article Size **721 cm<sup>2</sup>**  
Color **Full Color**  
ADValue **6,269**  
PRValue **18,806**



**KAKITANGAN** pusat kesihatan perlu berwaspada ketika mengendalikan peralatan tajam seperti picagari kerana ia boleh mencederakan mereka. – Gambar hiasan